

Liew Kon Lim (1918-1952)

Dirujuk oleh

- [1950-02-24: Ketua "Geng Kajang", Liew Kon Lim](#)

1918-1950: Latar Hidup

Beliau dilahirkan di Kajang pada tahun 1918, dan pernah bersekolah di [Kajang High School](#), sebelum dipindahkan ke sebuah sekolah Cina di Kajang. Di sana beliau mula didedahkan dengan ideologi komunisme, sebelum menyertai tentera [MPAJA](#), ketika penaklukan Jepun ke atas Malaya pada tahun 1941, lalu menjadi ketua platunnya pada tahun 1943 (Sekolah cina itu kemudiannya diambil alih oleh pihak tentera British pada tahun 1948). Setelah itu beliau menjadi jurubahasa [Lau Yew](#) (salah seorang pemimpin utama [PKM](#) yang [terbunuh pada tahun 1948](#) - ketika itu beliau berjaya menyelamatkan diri).

CATATAN: Mungkinkah sekolah Cina yang dimaksudkan ialah Sekolah Hua Qiao / Wah Chiau / Hwa Chiau / Fah Khiuw (华侨学校)? *"In Kajang, the left-leaning Hua Qiao (华侨学校) was founded in 1912 and the Kuomintang-related Yu Hua (育华学校) in 1918."*


LATAR PERISTIWA: [Sekolah Hua Qiao / Wah Chiau / Hwa Chiau / Fah Khiuw \(华侨学校\)](#) (1912-1998)

1950-02-24: Ketua "Geng Kajang"

Setelah [kematian Lau Yew](#), Liew Kon Lim (ketika itu berusia 32 tahun) mengepalai operasi-operasi gerila di sekitar Kajang dan Selatan Selangor. Pasukan gerilanya dikenali sebagai "Geng Kajang", dan beliau digelar sebagai "Voo Soo", "Chow Wah", atau "Bearded Wonder" / "Bearded Terror" (kerana membela janggut tebal).

Pada 24 Februari 1950, beliau telah disenaraikan sebagai antara individu yang paling dikehendaki oleh Polis Selangor, dengan tawaran \$20,000 di atas sebarang maklumat mengenai beliau.





Kemungkinan kawasan pertempuran di pinggir [Ladang Kajang](#).

Kiri: Berdasarkan peta Survey Dept. F.M.S., 1950:

"Selangor".

Kanan: Kemungkinan di sekitar Tropicana Heights kini ([Mapcarta](#)).

1952-07-07: Terbunuh

Liew Kon Lim akhirnya terbunuh dalam satu serangan di Hutan Simpan Kuala Langat (Selatan), pada 7/7/1952. Beliau, bersama teman wanita beliau, Ah Yin, telah dibunuh oleh [Second Lieutenant Raymond Hands](#) (23 thn), seorang anggota muda

[The Suffolk Regiment, 1st Battalion](#). Selepas pertempuran (termasuk pengeboman dari udara) di kawasan antara [Ladang Brooklands](#) dan bahagian utara [Hutan Simpan Kuala Langat](#), kumpulan beliau ditemui sedang berehat di bahagian selatan hutan tersebut, 3 batu dari Tanjong Sepat, lalu terbunuh di situ. Mayat beliau kemudiannya dipamerkan di khalayak ramai di beberapa balai polis di selatan Selangor, sebagai kempen propaganda dan perang psikologi. [Second Lieutenant Raymond Hands](#) kemudiannya dianugerahi ucapan tahniah oleh pembesar-pembesar British dan [Menteri Besar Selangor, Raja Uda](#), sebelum bersara dan melanjutkan pelajaran di University of Oxford, England.



...and he died

.....AND THE BEARDED TERROR HE KILLED.
Liew Kon Kim, seen in this picture with one of his
mistresses, Loh Yuk Moot. She was killed by security
forces last year.

Liew Kon Lim, bersama teman wanita (bukan Ah Yin).

CATATAN 1: Liputan peristiwa ini di luar negara: Singleton Argus (NSW, Australia: 1880 - 1954), Monday 7 July 1952, page 1:

"'The Bearded Wonder' Killed In Malaya"

CATATAN 2: Maklumat lanjut tentang Liew Kon Lim: 1950-02-24: Ketua "Geng Kajang", Liew Kon Lim.

CATATAN 3: Maklumat lanjut tentang Second Lieutenant Raymond Hands: Hurst Johnian Club - Newsletters:

Jun 2012 – Spring 2012 Newsletter, m.s. 24: "OBITUARIES - Raymond Hands (Red Cross 50)"



SECOND LIEUT. RAYMOND HANDS, the man who fired the shot which killed Liew Kon Kim, is congratulated by his O.C.

Raymond Hands (Kiri: The Telegraph, 13 Feb 2012:

"Army Obituaries - Raymond Hands")

CATATAN 4: Pameran relik dan replika berkaitan:-





Kiri: Pisau lipat yang ditemui bersama mayat Liew Kon Lim. Kanan: Replika topi pasukan Raymond Hands.

Keduanya dipamerkan di

[Muzium Suffolk Regiment](#) (

[Friends of the Suffolk Regiment, 2009: "Malaya Recreated For The Regimental Museum: Ray Hands MC"\)](#)).

CATATAN 5: Kawasan [Hutan Simpan Kuala Langat](#) yang telah menjadi tempat persembunyian tentera komunis ini kian mengecil akibat pencerobohan untuk pertanian (serta pembakaran yang berkaitan) sejak puluhan tahun lamanya. Rujukan:-

- Lim Chia Ying @ The Star, 24 Feb 2009:

["Illegal use of reserve"](#)

- Professor Dr. Ahmad Ismail FASc FRSB, 2010:

["Save Langat South Forest Campaign"](#)

- Bernama @ Berita Harian, 20 April 2020:

["80 hektar hutan simpan Kuala Langat terbakar"](#)

Sumber Utama

Tarikh	Butiran Keratan
1950.02.24	"\$140,000 REWARD FOR BANDIT". The Straits Times, 24 February 1950, Page 7
1950.03.16	"THE SUFFOLKS Vs MR.LIEW". The Straits Times, 16 March 1950, Page 11
1950.05.05	"'NO SURRENDER' BANDITS GIVE IN". The Straits Times, 5 May 1950, Page 1
1950.05.06	"RAID ON VILLAGE FOILED". The Straits Times, 6 May 1950, Page 7
1950.05.06	"\$20,000 FOR HIS CAPTURE". The Straits Times, 6 May 1950, Page 7
1952.07.07	"END OF THE BEARDED TERROR". The Straits Times, 7 July 1952, Page 1
1952.07.08	"'BEARD' DIED AFTER TIFFIN". The Straits Times, 8 July 1952, Page 1

Tarikh	Butiran Keratan
1952.07.13	"It was dangerous to be one of Liew's girl friends". The Straits Times, 13 July 1952, Page 10
2001.01.22	"The terror with a beard". TODAY, 22 January 2001, Page 22"

Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.

Laman Utama	1900-1909	1910-1919	1920-1929	1930-1939	1940-1949	1950-1959	1960-1969	1970-1979	1980-1989	1990-1999
Siri Cebisan Sejarah:	Bangi	Gambang	Hutan	Ipoh	Kajang	Kuala Lumpur	Kuantan	Pulau Pinang	Hubungi Kami	

Selain petikan dan sumber yang dinyatakan, rencana ini telah diusahakan oleh TMK Pulasan, di bawah kelolaan Syahrul Sazli Shahrir <sazli@pulasan.my>. Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.

From:
<https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:
https://bangi.pulasan.my/liew_kon_lim

Last update: **2021/12/06 08:41**

